



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

# **KUPASAN MUTU JAWAPAN**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)  
TAHUN 2021

**BAHASA MELAYU KERTAS 2  
1103/2**

## 1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran	:	1103/2
Bentuk Ujian	:	Ujian Subjektif
Markah Penuh	:	100 markah
Masa	:	2 jam 30 minit

### 1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas 2 mengandungi 3 bahagian, iaitu **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C**. Semua soalan wajib dijawab.

- Bahagian A** : Mengandungi 5 soalan (35 markah).  
**Morfologi, Sintaksis, Penyuntingan, Bahasa Melayu Standard dan Peribahasa.**
- Bahagian B** : Mengandungi 3 soalan (35 markah).  
**Pemahaman Petikan Umum, Pemahaman Petikan Sastera, Petikan Novel dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Novel.**
- Bahagian C** : Mengandungi 1 soalan (30 markah).  
**Rumusan.**

## 2.0 PRESTASI CALON

### 2.1 PRESTASI CALON BAHAGIAN A

#### 2.1.1 Prestasi Keseluruhan

Kualiti jawapan calon secara keseluruhannya pada tahap baik. Calon dapat memenuhi kehendak atau tugas soalan. Jawapan calon menunjukkan penguasaan aspek morfologi, sintaksis, penyuntingan, bahasa Melayu standard dan peribahasa yang baik.

## **2.1.2 Prestasi Mengikut Kumpulan Calon**

### **Kumpulan Prestasi Tinggi**

Calon dapat mengemukakan jawapan dengan terperinci, jelas dan menepati kehendak soalan. Jawapan Bahagian A memperlihatkan kemahiran calon menguasai kemahiran tatabahasa aspek morfologi dan membina ayat menggunakan perkataan yang diuji dengan tepat serta gramatis. Calon juga dapat menganalisis binaan ayat dengan tepat. Selain itu, calon dapat menyunting pelbagai jenis kesalahan dalam teks. Bagi soalan bahasa Melayu standard, hanya sebahagian calon dapat menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard. Bagi soalan peribahasa, kebanyakan calon dapat menjawab soalan dengan tepat.

### **Kumpulan Prestasi Sederhana**

Calon dapat mengemukakan jawapan dengan betul, jelas tetapi kurang menepati kehendak soalan. Jawapan Bahagian A memperlihatkan kemahiran calon menguasai aspek morfologi dan membina ayat menggunakan perkataan yang diuji dengan tepat tetapi kurang gramatis atau sebaliknya kurang tepat tetapi masih gramatis. Calon juga masih dapat menganalisis binaan ayat dengan baik. Selain itu, calon juga dapat menyunting sebahagian kesalahan bahasa dalam teks. Bagi soalan bahasa Melayu standard, hanya sebahagian calon dapat menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard. Bagi soalan peribahasa pula, kebanyakan calon tidak dapat memberikan maksud peribahasa dengan tepat.

## 2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

### Soalan 1: Morfologi

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata kerja aktif transitif. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata kerja aktif transitif tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Kita seharusnya sedar bahawa dalam memperoleh sesuatu ilmu, tiada jalan mudah dan singkat. Proses pembelajaran mengambil masa yang lama dan usaha yang berterusan diperlukan. Selain itu, kita juga perlu merujuk kepada sumber yang sahih. Buku seharusnya dijadikan sumber rujukan yang utama untuk mendapatkan maklumat. Oleh itu, kita sepatutnya lebih berhati-hati ketika memilih buku yang berkualiti. Hal ini dikatakan demikian kerana buku yang berkualiti mempunyai fakta yang lebih tepat dan benar berbanding dengan Internet yang kurang diketahui kesahihan maklumatnya.

Tugasan soalan ini meminta calon mengenal pasti dan menyenaraikan **empat kata kerja aktif transitif**. Kemudian, calon diminta membina **satu ayat sendiri** daripada setiap **kata kerja aktif transitif** tersebut untuk menunjukkan bahawa calon faham akan maksud dan penggunaannya. Calon tidak boleh menggunakan perkataan tersebut sebagai peribahasa atau nama khas.



## Contoh jawapan calon prestasi tinggi

SOALAN 1

Mendapatkan

Suraya berusaha untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan akhir tahun.

Memperoleh

Adib memperoleh keputusan yang bagus dalam peperiksaan lalu dipuji oleh ayah.

Memilih

Suzana memilih untuk mendiamkan diri kerana dia tidak mahir dalam bidang elektronik.

Mengambil

Kita tidak sewajarnya mengambil harta atau hak orang lain.

Calon dapat mengemukakan jawapan dengan memenuhi tugas soal yang diberikan. Calon dapat mengenal pasti, menyenaraikan dan membina ayat yang lengkap berdasarkan maksud setiap perkataan yang diuji. Ayat yang dibina gramatis, menepati maksud dan penggunaan setiap perkataan.

### Contoh jawapan calon prestasi sederhana

Soalan 1	
<del>4</del>	kata kerja aktif transitif
1)	memperoleh Alia memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan pertengahan tahun yang dijalankan oleh pihak sekolah.
2)	pembelajaran Pembelajaran secara talian merupakan salah satu alternatif untuk menempuh wabak COVID-19 yang tengah melanda seluruh negara.
3)	mendapatkan Usaha adik untuk mendapatkan piala emas akhirnya tercapai. <del>sewaktu dia sekolah menengah.</del>
4)	memilih Cikgu Faridah memilih lima calon dari tingkatan 5 untuk menjadi wakil sekolah dalam pertandingan pidato.

Calon dapat menyenaraikan tiga perkataan yang diuji dan dapat membina ayat tetapi terdapat kesalahan bahasa. Hal ini menyebabkan markah bahasa calon ditolak.

## Soalan 2: Sintaksis

- 2 *Baca petikan di bawah, kemudian kenal pasti dan tulis pola bagi ayat-ayat yang bergaris sama ada Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA) atau Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS). Anda perlu menulis jawapan mengikut contoh seperti di bawah.*

**Pola Ayat: FN + FK**

**FN:** Ahli sejarah Belanda, Francois Valentijn

**FK:** mengatakan bahawa sesiapa yang datang ke alam Melayu perlu mempelajari bahasa Melayu

*Ahli sejarah Belanda, Francois Valentijn mengatakan bahawa sesiapa yang datang ke alam Melayu perlu mempelajari bahasa Melayu. Kini, 140 buah universiti daripada 50 buah negara di dunia menawarkan pengajian Bahasa Melayu. Sambutan pelajar luar negara terhadap Pengajian Melayu yang sedemikian rupa tidak mungkin menjadi kenyataan sekiranya bahasa Melayu dianggap tidak bernilai ekonomi, seperti yang difikirkan oleh segelintir rakyat negara ini. Penerimaan pelajar luar negara terhadap bahasa Melayu begitu positif. Oleh itu, sesiapa yang tidak tahu berbahasa Melayu ialah individu yang tidak terpelajar.*

Tugasan soalan ini meminta calon mengenal pasti dan menulis pola bagi ayat-ayat yang bergaris sama ada **Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN)**, **Frasa Nama + Frasa Kerja (FN+FK)**, **Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA)** atau **Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN+FS)**. Calon perlu menulis jawapan mengikut contoh seperti yang diberikan.

### Contoh jawapan calon prestasi tinggi

1. Pola ayat : FN + FK

FN : 140 buah universiti daripada 50 buah negara di dunia

FK : menawarkan pengajian Bahasa Melayu.

2. Pola ayat : FN + FA

FN : Penenimaan peta pelajar luar negara terhadap Bahasa Melayu.

FA : begitu positif.

3. Pola ayat : FN + FN

FN : sesiapa yang tidak tahu berbahasa Melayu

FN : ialah individu yang tidak terpelajar.

Calon dapat menjawab soalan 2 dengan lengkap dan betul. Calon dapat membuat pemenggalan ayat, membezakan jenis-jenis frasa dan menjawab mengikut format jawapan yang diberi dengan tepat.

### Contoh jawapan calon prestasi sederhana

1. Pola ayat : FN + FS

FN : 140 buah universiti

FS : daripada 50 buah negara di dunia menawarkan pengajian Bahasa Melayu.

2. Pola ayat : FN + FN

FN : Penenimaan pelajar luar negara terhadap

FN : ~~luar negara terhadap~~ bahasa Melayu begitu positif.

3. Pola ayat : FN + FN

FN : sesiapa yang tidak tahu berbahasa Melayu ialah

FN : individu yang tidak terpelajar

Calon tidak dapat memberikan jawapan lengkap berdasarkan ayat yang diuji. Terdapat juga sebilangan kecil calon hanya menyatakan pola ayat tanpa membuat pemenggalan ayat. Calon tidak menjawab sepenuhnya soalan yang diuji.

### Soalan 3: Penyuntingan

- 3 *Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

#### **Bahan 1**

Dari : Aziah Mazwani binti Safwan <[aziah.safwan@gmail.com](mailto:aziah.safwan@gmail.com)>

Tarikh : 11 Febuari 2021, Khamis, 11.27 pagi

Perkara: Pelepasan Mohammad Amil – Klinik Sukan Pelayaran dan Latihan

Kepada: ABDUL AZIZI MAMAT <[pengetua@smkpp.edu.my](mailto:pengetua@smkpp.edu.my)>

Salam sejahtera,

Tuan,

Saya seperti nama di atas ingin memaklumkan bahawa anak saya Mohammad Amil bin Zulkifli, murid Tingkatan 4 Kenanga Sekolah Menengah Kebangsaan Perdana Putra telah dipilhkan oleh Kelab Sukan dan Rekreasi Kuala Lumpur (KSRKL) untuk menghadiri Klinik Sukan Pelayaran dan Latihan bertempat di Labuan pada 1 hingga 4 Mac 2021. Latihan ini meliputi latihan bot dilaut Labuan bagi persediaan menyertai kejohanan-kejohanan sukan akan datang seperti SUKMA, Sukan SEA dan sebagainya.

2. Sehubungan dengan itu, dilampirkan surat permohonan pelepasan yang baru diterima daripada KSRKL untuk rujukan dan maklumat pihak sekolah.

3. Kerjasama pihak sekolah amatlah dihargai oleh saya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

AZIAH MAZWANI BINTI SAFWAN

**Bahan 2**

**KELAB SUKAN DAN REKREASI KUALA LUMPUR (KSRKL)**

1671 Jalan Ipoh  
52000 KUALA LUMPUR

Tel: 03-6210 7000

Faks: 03-6210 7001

---

Ruj. Kami: KSRKL.700/1 Jld. 17 (09)

Tarikh: 22 Januari 2021

Tuan/Puan,

**PERMOHONAN PELEPASAN WAKTU PERSEKOLAHAN BAGI  
MENYERTAI KLINIK SUKAN PELAYARAN DAN LATIHAN DI LABUAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan yang Pasukan Pelayaran Kelab Sukan dan Rekreasi Kuala Lumpur (KSRKL) sedang dalam persiapan menghadapi beberapa temasya sukan seperti Sukan Malaysia (SUKMA) dan Sukan SEA. Untuk pengetahuan pihak tuan juga, KSRKL akan dikendali Klinik Sukan Pelayaran dan Latihan pada ketetapan berikut:

Tarikh : 1 hingga 4 Mac 2021

Tempat : Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

3. Oleh itu, pihak KSRKL memuji jasa baik pihak tuan demi untuk mendapatkan pelepasan waktu persekolahan bagi murid yang bernama Mohammad Amil bin Zulkifli bermula 1 hingga 4 Mac 2021. Hal ini membolehkan atlit tersebut menyertai dan memberikan komitmen sepenuhnya dalam kejohanan-kejohanan tersebut.

4. Segala kerjasama daripada pihak tuan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

**'USAHA ASAS KECEMERLANGAN'**

Saya yang menjalankan amanah,

*Ahmad Razali*

(AHMAD RAZALI BIN MOHD ARIFF)

Pengerusi,

Kelab Sukan dan Rekreasi Kuala Lumpur (KSRKL)

Tugasan soalan ini meminta calon mengenal pasti dan menyenaraikan pelbagai kesalahan bahasa serta membetulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Calon tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sebelas kesalahan.

### Contoh jawapan calon prestasi tinggi

SOALAN 3	
Bahan 1	
1)	Dari → Daripada
2)	Febuari → Februari
3)	dipilihkan → dipilih
4)	dilaut → di laut
5)	maklumat → makluman
6)	dihargai oleh saya → saya hargai
Bahan 2	
1)	yang → bahawa
2)	dikendali → mengendalikan
3)	<del>dikendali</del> → <del>mengendalikan</del> memuji → memohon
4)	<del>memuji</del> → <del>memohon</del> demi untuk → untuk
5)	atlit → atlet

Calon dapat menyenaraikan sebelas kesalahan yang terdapat dalam Bahan 1 dan Bahan 2. Calon juga dapat membuat pembetulan dengan tepat.



### Contoh jawapan calon prestasi sederhana

1. Dari → Daripada
2. Febuari → Februari
3. dipilihkan → Dipilih
4. meliputi → merangkumi
5. dilaut → di laut
6. amatlah → amat

### Bahan 2

1. yang → bahawa
2. dikenatali → dikendalikan
3. memuji → memohon
4. atlit → atlet
5. didahului → disudahi

Calon hanya dapat menyenaraikan dan membetulkan tujuh daripada sebelas kesalahan yang sepatutnya.



#### Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

- 4 Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

Adapun Seri Amerta itu asalnya orang Pasai, tanah Samudera namanya; sebab ia cerdik, lagi tahu berkata-kata, maka dijadikan baginda bentara, digelar baginda Seri Amerta. Maka diperbuatkan baginda satu bangku tebal, di bawah lutut baginda, di sanalah ia memikul pedang, ialah yang menyampaikan titah raja barang sesuatu.

Dipetik daripada  
'Burung Terbang Dipipiskan Lada'  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Tugasan soalan ini meminta calon menulis semula prosa klasik kepada bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

#### Contoh jawapan calon prestasi tinggi

Soalan 4

Seri Amerta<sup>itu</sup> berasal dari Pasai iaitu di tanah Samudera. Oleh sebab Seri Amerta cerdik dan fasih berkata-kata, maka baginda ~~menjadi~~ melantiknya sebagai ~~Bendahara~~ yang bentara <sup>dan</sup> yang digelar Seri Amerta. Baginda membuat sebuah bangku yang tebal dan meletakkannya di bawah lutut baginda. Di situlah, Seri Amerta memikul pedang dan menyampaikan sebarang titah raja.

Calon dapat menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard dengan mengemukakan isi yang cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis tetapi terdapat kesalahan tatabahasa yang minimum.

### Contoh jawapan calon prestasi sederhana

soalan 4
Seri Amerta itu asalnya orang Pasai, <del>se</del> dari tanah Samudera. Kerana <del>dirinya</del> dirinya yang <del>cerdik</del> cerdik dan tahu berkata-kata, baginda melantik beliau sebagai bentara dengan gelaran <del>bag</del> Seri Amerta. Seterusnya, diperbuatkan satu bangku tebal yang di letakkan di bawah baginda sebagai tempat dia memikul pedang <del>bag</del> bagi menyampaikan raja sebarang berita.

Calon masih dapat menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard. Calon masih dapat mengemukakan isi yang cukup, mengikut urutan tetapi ayat kurang gramatis. Calon juga tidak dapat menukarkan maksud beberapa frasa dengan tepat.

### Soalan 5: Peribahasa

- 5 Dialog di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan dua peribahasa sahaja, kemudian berikan **maksud** peribahasa tersebut.

Damia : Fatin, awak sudah pergi ke ekspo jualan pakaian di Tapak Pesta Teluk Kemang?

Fatin : Belum, tapi saya tahu ada ekspo tersebut. Sebelum ini ekspo sebegini pernah diadakan, namun indah khabar dari rupa. Fesyen pakaian yang dijual sudah ketinggalan zaman.

Damia : Saya sudah ke tapak pesta tersebut semalam. Banyak pakaian berjenama dan fesyen terkini dijual di tapak ekspo jualan pakaian tersebut. Harganya pun boleh tahan juga. Pada pandangan saya, biar kita alah membeli menang memakai.

Fatin : Betul tu, tapi kita berbelanja biarlah ukur baju di badan sendiri.

Damia : Ya, saya setuju dengan awak, Fatin.

Tugasan soalan ini meminta calon menulis dua peribahasa dan memberikan maksud yang tepat.

### Contoh jawapan calon prestasi tinggi

⑤ - alah membeli menang memakai

- ukur baju di badan sendiri

alah membeli menang memakai

- Peribahasa ini membawa maksud biarlah barang yang dibeli itu mahal tetapi berkualiti dan tahan lama berbanding barang yang murah tetapi tidak berkualiti.

ukur baju di badan sendiri

- Peribahasa ini membawa maksud kita hendaklah berbelanja atau melakukan sebarang pekerjaan mengikut kemampuan diri sendiri

Calon dapat mengenal pasti dan menyenaraikan dua peribahasa dalam dialog serta memberikan maksud yang tepat.

### Contoh jawapan calon prestasi sederhana

• Soalan 5

i. indah khabar dari rupa

Maksud: perkhabaran yang <sup>sebenar</sup> melebihi-lebih daripada perkara

ii. ukur baju di badan sendiri

Maksud: ~~mengetahui~~ laraf hidup diri sendiri  
mengetahui kemampuan diri sendiri

Calon dapat mengenal pasti dan menyenaraikan dua peribahasa dalam dialog tetapi tidak dapat memberikan maksud dengan tepat.

## 2.3 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN A

### 2.3.1 Calon

- a) Membaca pelbagai jenis bahan bacaan seperti Dewan Siswa, Kosmik, Dewan Budaya, Dewan Masyarakat dan Pelita Bahasa.
- b) Membuat latihan menjawab soalan tatabahasa bahasa Melayu secara sendiri atau dengan bimbingan guru.
- c) Membuat lebih banyak latihan berfokus format soalan peperiksaan yang sebenar.
- d) Membuat perbincangan secara berkumpulan.
- e) Menguasai teknik menjawab soalan.
- f) Menguasai perbendaharaan kata dan asas tatabahasa.
- g) Menguasai sistem ejaan bahasa Melayu.
- h) Memahami dan menguasai maksud prosa tradisional Kepimpinan Melalui Teladan (Tingkatan 4) dan Burung Terbang Dipipiskan Lada (Tingkatan 5).
- i) Merujuk Kamus Dewan, Tatabahasa Dewan, kamus peribahasa, kamus prosa tradisional dan glosari prosa tradisional Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

### 2.3.2 Guru

- a) Menjadi pemeriksa Bahasa Melayu Kertas 2 bagi meningkatkan kompetensi.
- b) Menghadiri seminar, kursus, bengkel atau konvensyen bahasa di pelbagai peringkat.
- c) Menggunakan pelbagai bahan pembelajaran yang dapat menjana minda murid terutamanya akhbar, majalah dan sebagainya.
- d) Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) panitia secara berterusan.
- e) Memberi bimbingan kepada murid tentang format dan teknik menjawab soalan yang betul.
- f) Membudayakan soalan KBAT dalam PdP.
- g) Menjadikan buku Tatabahasa Dewan dan Kamus Dewan sebagai bahan bantu mengajar wajib di dalam kelas.
- h) Memberi penekanan kepada penguasaan teks prosa tradisional.
- i) Menghadiri bengkel pembinaan item yang menepati format SPM.
- j) Mengikuti perkembangan bahasa terkini.
- k) Menggunakan buku kerja, modul atau soalan yang menepati Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan format SPM sebenar.

## **2.4 PRESTASI CALON BAHAGIAN B**

### **2.4.1 Prestasi Keseluruhan**

Kualiti jawapan calon secara keseluruhannya pada tahap baik. Calon dapat memenuhi kehendak atau tugas soal. Kebanyakan calon dapat menjawab soal maksud rangkai kata dan soal pemahaman berdasarkan petikan dengan cemerlang. Hanya sebahagian calon yang dapat menjawab soal KBAT dengan tepat dan gramatis.

### **2.4.2 Prestasi Mengikut Kumpulan Calon**

#### **Kumpulan Prestasi Tinggi**

Calon dapat mengemukakan jawapan dengan terperinci, jelas dan menepati kehendak soal termasuk soal KBAT. Jawapan calon lengkap, gramatis dan hanya terdapat kesalahan bahasa yang minimum. Calon juga menguasai kemahiran membaca, menganalisis bahan dan menyatakan idea dengan cemerlang. Pengetahuan calon sangat luas dan dapat menguasai tugas KBAT dengan memberikan jawapan yang tepat mengikut format.

#### **Kumpulan Prestasi Sederhana**

Calon masih dapat mengemukakan jawapan dengan terperinci, jelas dan menepati kehendak soal termasuk soal KBAT. Jawapan calon masih lengkap, gramatis dan hanya terdapat kesalahan bahasa yang minimum. Calon juga masih menguasai kemahiran membaca, menganalisis bahan dan hanya menyatakan idea yang terhad. Pengetahuan calon masih luas dan masih dapat menguasai tugas KBAT dengan memberikan jawapan yang tepat mengikut format tetapi jawapan yang dikemukakan tidak lengkap.

## 2.5 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN B

- 6 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### Bahan 1

Kecemerlangan anak-anak dalam peperiksaan bukanlah tiket untuk kejayaan masa depan mereka. Kegagalan mereka pula *bukanlah noktah* untuk meraih kejayaan yang seterusnya. Ibu bapa janganlah mengharapkan penghargaan orang atau kejayaan anak-anak tetapi belajarlah menghargai dan bersyukur dengan apa-apa yang mampu diberikan oleh mereka. Kesannya, anak-anak akan berasa gembira dan tenang. Sebaliknya, ibu bapa yang tidak bersyukur dan reda dengan keputusan peperiksaan anak-anak akan berasa bersalah kerana gagal memberikan bimbingan kepada anak-anak. Ibu bapa juga akan berasa kecewa. Anak-anak pula akan berasa sedih kerana tidak dapat memenuhi impian ibu bapa. Oleh itu, ibu bapa perlu meningkatkan emosi anak dan keluarga dengan bersyukur dan reda.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Cemerlang Akademik, Cemerlang Akhlak'  
oleh Datuk Profesor Dr. Muhaya Mohamad  
*Dewan Siswa, Bil. 3/2020*

### Bahan 2

Setiap kali keputusan peperiksaan awam diumumkan seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), reaksi dan wajah-wajah murid yang mengambil slip keputusan menjadi perhatian lensa media. Kebiasaannya, bagi yang berjaya, mereka menunjukkan pelbagai reaksi kegembiraan. Bagi yang kurang berjaya, ada yang menangis dan menundukkan kepala mengenangkan nasib mereka seterusnya. Tidak kurang juga sesetengah ibu bapa yang enggan menerima hakikat bahawa anak-anak mereka telah memperoleh keputusan yang kurang memberangsangkan. Lantaran itu, ibu bapa sedemikian menganggap keputusan peperiksaan tersebut sebagai satu kegagalan yang amat sukar untuk diterima. Sentimen dan emosi yang kurang baik ini akhirnya terbawa-bawa dalam kehidupan, sekali gus memberikan kesan yang negatif terhadap keyakinan serta keperibadian seseorang.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Kecemerlangan Akademik Bukan Segalanya, Namun Sikap Murid Utamakan  
Akademik Bukan Terbentuk Semalaman' oleh Matthew Chan  
<https://www.pendidik.com.my/2017/02/04>

**Soalan 6 (i)** Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *bukanlah noktah*.

Tugasan soalan ini meminta calon memberikan maksud rangkai kata *bukanlah noktah* dengan betul dan gramatis.

### Contoh jawapan calon prestasi tinggi

Berdasarkan Bahan 1, maksud rangkaian kata bukanlah noktah ialah tidak terhenti.

Calon dapat memberikan jawapan yang tepat bagi maksud rangkaian kata yang diuji, iaitu *bukanlah noktah*. Calon dapat memberikan maksud frasa yang diuji dengan betul mengikut konteks menggunakan ayat gramatis.

### Contoh jawapan calon prestasi sederhana

(i) Maksud rangkaian kata bukanlah noktah ialah bukan pengakhiran.

Calon memberikan jawapan kurang tepat bagi maksud rangkaian kata yang diuji. Calon hanya memberikan sebahagian maksud frasa yang diuji dengan betul mengikut konteks.

**Soalan 6(ii)** Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, kemukakan beberapa kesan terhadap ibu bapa apabila anak-anak memperoleh keputusan peperiksaan yang kurang memberangsangkan.

Tugasan soalan ini meminta calon mengemukakan sekurang-kurangnya satu jawapan daripada Bahan 1 dan satu jawapan daripada Bahan 2 dengan ayat yang gramatis.

#### Contoh jawapan calon prestasi tinggi

(ii) Kesan terhadap ibu bapa apabila anak-anak memperoleh keputusan yang kurang memberangsangkan merujuk bahan satu dan dua ialah ibu bapa akan berasa kecewa dan bersalah kerana gagal memberikan bimbingan kepada anak-anak. Sekiranya, ibu bapa juga akan menganggap keputusan peperiksaan tersebut sebagai satu kegagalan yang amat sukar untuk diterima.

Calon dapat mengemukakan isi yang cukup, iaitu dua isi yang terdapat dalam kedua-dua bahan. Calon dapat mengemukakan sekurang-kurangnya satu isi daripada setiap bahan menggunakan ayat yang gramatis.

#### Contoh jawapan calon prestasi sederhana

Dengan merujuk bahan 1, kesan terhadap ibubapa apabila anak-anak mendapat keputusan yang kurang memberangsangkan ialah ibubapa akan berasa kecewa. Manakala pada bahan 2 pula, ia akan memberikan kesan yang negatif terhadap keyakinan dan keperibadian seseorang.

Calon masih mampu menjawab soalan dengan baik dan mengemukakan dua isi berdasarkan kedua-dua bahan. Namun, salah satu isi yang dikemukakan oleh calon tidak betul, sama ada isi Bahan 1 atau Bahan 2. Jawapan calon tidak lengkap daripada aspek bilangan isi namun ayat masih gramatis.



**Soalan 6 (iii)** Setiap kali keputusan peperiksaan awam diumumkan, wajah-wajah murid yang mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang menjadi perhatian lensa media.

Pada pendapat anda, apakah peranan-peranan kaunselor untuk membantu murid berkenaan melanjutkan pelajaran mereka?

Tugasan soalan ini meminta calon mengemukakan sekurang-kurangnya dua isi yang tepat berdasarkan tugasan menggunakan ayat yang gramatis.

### Contoh jawapan calon prestasi tinggi

iii) Pada pendapat saya, antara peranan kaunselor untuk membantu murid berkenaan melanjutkan pelajaran mereka adalah dengan membimbing mereka untuk membuat permohonan kemasukan ke universiti dan bidang pelajaran yang diminati oleh mereka. Selain itu, kaunselor juga berperanan mencadangkan biasiswa - biasiswa yang layak dipohon oleh mereka untuk meringankan beban keluarga mereka.

Calon dapat mengemukakan dua jawapan yang tepat berdasarkan tugasan menggunakan ayat yang gramatis.

### Contoh jawapan calon prestasi sederhana

iii) Pada pendapat saya, kauselor boleh mencadangkan universiti - universiti yang sesuai untuk mereka melanjutkan pelajaran. Namun Hal ini supaya mereka tidak tersalah pilih universiti dan tersilap bidang yang mereka ingin ceburi. Kesimpulannya, kauselor - kauselor perlulah membantu murid berkenaan untuk mengaju ke masa depan yang cerah.

Calon hanya mengemukakan satu jawapan yang tepat namun ayat masih gramatis.

**Soalan 6 (iv)** Rakan anda akan menduduki peperiksaan awam pada akhir tahun ini. Namun, dia tidak memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan percubaan seperti yang diharapkannya. Situasi ini menyebabkan rakan anda mengalami stres.

Selain berjumpa dengan kaunselor, nyatakan tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh rakan anda untuk mengurangkan stres.

Tugasan soalan ini meminta calon menyatakan sekurang-kurangnya tiga jawapan yang tepat berdasarkan tugasan menggunakan ayat yang gramatis.

#### **Contoh jawapan calon prestasi tinggi**

Tindakan yang boleh diambil oleh rakan saya untuk mengurangkan stres adalah meminta bantuan dan pertolongan daripada rakan-rakan untuk memberi sokongan. Selain itu, rakan saya itu perlu menenangkan fikiran dengan mendengar lagu-lagu yang menenangkan. Seterusnya, rakan saya juga boleh mendekatkan diri kepada tuhan dengan mengamalkan zikir ringkas dan membaca al-Quran. Rakan saya juga boleh menerangkan masalah yang dihadapi kepada ahli keluarga untuk mendapat sokongan meneruskan perjuangan dalam peperiksaan.

Calon dapat mengemukakan tiga isi dengan tepat berdasarkan tugasan menggunakan ayat yang gramatis.

#### **Contoh jawapan calon prestasi sederhana**

(iv) Tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh rakan saya untuk mengurangkan stres adalah ~~bersakan~~ bersukan, berkomunikasi dengan ~~ibu~~ keluarga atau kawan, melancong dan menambah masa rehat, menggunakan masa itu untuk membuat hobi.

Calon tidak dapat mengemukakan tiga isi mengikut tugasan tetapi ayat masih gramatis.

## Soalan 7

- 7 *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

### **Bahan 1**

#### **PANTUN ILMU**

Jambu batu buah pedada,  
Tepi sungai pokok sena;  
Kalau ilmu tak ada di dada,  
Orang maju kita merana.

Terbang lebah di hujung bendang,  
Hinggap di dahan membuat sarang;  
Banyak sudah dapat dipandang,  
Tiada ilmu dihamba orang.

Ke pasar tamu membeli halia,  
Beli bersama semangkuk laksa;  
Orang berilmu sangatlah mulia,  
Dikasihi orang setiap masa.

Pasang jerejak jarang-jarang,  
Buat birai condong ke barat;  
Sudah lumrah dikata orang,  
Ilmu penerang dunia akhirat.

Sarung ketupat di Padang Jambu,  
Letak mari di sampiran kain;  
Sudah adat orang berilmu,  
Bagai lilin menerang yang lain.

Dari Jambi ke Majapahit,  
Hujung Tanjung Datuk Kelana;  
Bagai bumi dengan langit,  
Berilmu disanjung bodoh dihina.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia  
<http://bmelayuspm.blogspot.com/2013/08/pantun-ilmu.html?m=1>

## Bahan 2

Setelah beberapa purnama tertangguh, akhirnya saya merasakan sekelumit ilmu yang mengisi dada saya sudah mampu membolehkan saya berjuang sebagai warga sebuah kota besar yang agung itu. Kepada bonda, saya sampaikan hasrat untuk membina kehidupan yang lebih sempurna di ibu kota. Tanah desa halaman ini tidak lagi dapat menjanjikan masa depan saya lebih terurus.

Saya perlukan kerjaya yang terjamin dan ekonomi yang stabil untuk merancang kehidupan masa depan saya.

Bonda tersenyum melihat saya tidak sabar untuk meninggalkan bumi kelahiran saya ini. “Mel, bonda merestui kamu untuk berhijrah ke ibu kota. Tetapi, ingatlah pesan bonda supaya menjaga dua perkara. Perintah agama jangan sesekali kamu abaikan. Agama itu baju peribadi bangsa kita. Akidah yang kukuh menjadi akar yang menunjang pohon kebenaran. Islam merupakan panduan hidup. Peliharalah bahasa ibunda kita kerana itulah sahaja warisan kita yang tinggal. Bahasa jiwa bangsa.”

Dipetik daripada  
cerpen ‘Munysi’ oleh Husna Nazri  
antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**Soalan 7 (i)** Dalam **Bahan 1**, terdapat beberapa akibat orang yang tidak berilmu.

Nyatakan akibat-akibat tersebut.

Tugasan soalan ini meminta calon memberikan dua jawapan berdasarkan Bahan 1 menggunakan ayat gramatis.

**Contoh jawapan calon prestasi tinggi**

Ci) Berdasarkan Bahan 1, akibat-akibat orang yang tidak berilmu ialah, pertama, kita akan merana. Seterusnya, dihamba orang dan dihind dihin orang.

Calon dapat memberikan dua jawapan berdasarkan Bahan 1 menggunakan ayat gramatis.

### Contoh jawapan calon prestasi sederhana

Soalan 7

d) Akibat - akibat tersebut ialah hidup akan merana.  
Selain itu, tidak dipandang mulla.

Calon dapat memberikan satu jawapan berdasarkan Bahan 1 menggunakan ayat gramatis.



**Soalan 7 (ii)** Berdasarkan **Bahan 1 dan Bahan 2**, berikan kepentingan-kepentingan ilmu kepada seseorang.

Tugasan soalan ini meminta calon mengemukakan sekurang-kurangnya satu jawapan daripada Bahan 1 dan satu jawapan daripada Bahan 2 dengan ayat yang gramatis.

**Contoh jawapan calon prestasi tinggi**

(ii) Berdasarkan Bahan 1, kepentingan-kepentingan ilmu kepada seseorang ialah, pertama, <sup>ilmu membolehkan seseorang dapat</sup> dikasihi orang setiap masa. Selain itu, ilmu merupakan penerang dunia akhirat. Ilmu juga dibaratkan bagai lilin menentang yang lain. Berdasarkan Bahan 2, ilmu membolehkan <sup>tan</sup> seseorang berjuang sebagai warga kota besar yang agung.

Calon dapat mengemukakan isi yang cukup, iaitu dua isi yang terdapat dalam kedua-dua bahan. Calon dapat mengemukakan sekurang-kurangnya satu isi daripada setiap bahan menggunakan ayat yang gramatis.

**Contoh jawapan calon prestasi sederhana**

(ii) Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, kepentingan-kepentingan ilmu kepada seseorang ialah dapat memajukan diri sendiri ke arah yang cemerlang. Selain itu, akan dipandang tinggi oleh masyarakat setempat. Seterusnya, dapat merancang kehidupan masa depan jika mempunyai ilmu yang tinggi.

Calon masih mampu menjawab soalan dengan baik dan mengemukakan dua isi berdasarkan kedua-dua bahan. Walau bagaimanapun, salah satu isi yang dikemukakan oleh calon tidak betul, sama ada isi Bahan 1 atau Bahan 2. Jawapan calon tidak lengkap daripada aspek bilangan isi namun ayat masih gramatis.

**Soalan 7(iii)** Penguasaan ilmu dalam pelbagai bidang amat penting dalam kehidupan. Oleh itu, golongan remaja perlu menggunakan masa muda ini untuk menimba ilmu sebanyak mungkin.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh golongan remaja untuk menambahkan ilmu pengetahuan?

Tugas soal ini meminta calon mengemukakan sekurang-kurangnya tiga isi yang tepat berdasarkan tugas menggunakan ayat gramatis.

### Contoh jawapan calon prestasi tinggi

Usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh golongan remaja ialah <sup>rajin</sup> membaca buku pada masa lapang. Selain itu, remaja-remaja bolehlah bertanyakan pengalimaan orang yang lebih tua bagi mengembangkan pemikiran ~~ke~~ remaja. Seterusnya, remaja hendaklah berusaha melayari internet untuk memperoleh maklumat yang bermanfaat di media sosial. Akhir sekali, remaja perlulah berani bertanya soalan kepada guru jika terdapat masalah atau perkara yang kurang difahami terutamanya dalam pelajaran.

Calon dapat mengemukakan tiga jawapan yang tepat berdasarkan tugas menggunakan ayat gramatis.

### Contoh jawapan calon prestasi sederhana

iii) Usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh golongan remaja untuk menambahkan ilmu pengetahuan adalah membaca buku. Hal ini kerana buku mempunyai pelbagai kisah yang boleh diambil sebagai ilmu yang bermanfaat. Selain itu, melayari internet. Hal ini kerana, ~~di~~ internet ilmu yang terdapat di internet meliputi pelbagai bidang contohnya masakan.

Calon tidak dapat mengemukakan tiga jawapan yang tepat berdasarkan tugas namun ayat masih gramatis.

**Soalan 7 (iv)** Dalam Bahan 2, Mel menyatakan bahawa tanah desa halaman ini tidak lagi dapat menjanjikan masa depannya lebih terurus. Mel berpandangan bahawa dia tidak mempunyai kerjaya yang terjamin dan ekonomi yang stabil sekiranya terus menetap di desa tersebut.

Sebagai salah seorang ahli keluarga Mel, nyatakan cadangan-cadangan yang dapat anda berikan kepada Mel supaya dia terus tinggal di desa.

Tugasan soalan ini meminta calon menyatakan sekurang-kurangnya tiga jawapan yang tepat berdasarkan tugasan menggunakan ayat gramatis.

#### **Contoh jawapan calon prestasi tinggi**

Sebagai salah seorang ahli keluarga Mel, cadangan-cadangan yang dapat saya berikan kepada Mel supaya terus tinggal di desa ialah saya akan meminta Mel menjaga ibu bapanya di desa. Selain itu, saya akan memintanya menjalankan pertanian dan berkahwin dengan gadis di desa itu. Sekemungkinan, saya akan mengesyorkan Mel menjadi jawatankuasa Koperasi Belia di sana.

Calon dapat mengemukakan tiga isi dengan tepat berdasarkan tugasan menggunakan ayat yang gramatis.

#### **Contoh jawapan calon prestasi sederhana**

Sebagai salah seorang ahli keluarga Mel, cadangan-cadangan yang dapat saya berikan kepada Mel supaya dia terus tinggal di desa ialah Mel boleh membuka perniagaan yang tersendiri untuk menjangka pendapatan bagi dirinya. Selain itu, Mel ~~haruslah~~ boleh mengusahakan membeli dan mengusahakan tanah yang lapang dan subur dengan beres-tesan tanam <sup>saya urut</sup> agar hasil tanaman dapat diimport keluar negara.

Calon tidak dapat mengemukakan tiga isi mengikut tugasan tetapi ayat masih gramatis.



**Soalan 8 (i)** Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah bergelut dengan gambaran Doktor Sadiz di dalam lif berulang kali tadi, hatinya telah mula berdebar-debar kerana merasakan dirinya diburu oleh bayangan Doktor Sadiz. Setiap derap ranting patah yang gugur dilanggar angin, setiap derap tapak kasut pengawal keselamatan atau sesiapa sahaja yang melewati koridor di luar kondominium mewahnya, dapat didengar dengan amat peka lagi jelas.

Raiha mengeluh singkat, melepaskan tekanan yang dialaminya, di ruang tamu kondominiumnya yang luas itu. Dia sendiri tidak mengerti sebab dia harus terus-terusan dikejar oleh perasaan takut seperti itu kerana bayangan tersebut hanya akan membuatkan dia berasa sepi, terasing dan amat terkilan. Kesepian, keterasingan dan perasaan terkilan itu berpadu dengan suatu perasaan yang menakutkannya, cukup menyiksa dunia batinnya. Perasaan-perasaan yang berpadu dengan keletihan yang mencengkam dirinya itu menyebabkan Raiha amat sukar merehatkan diri di pembaringannya sebentar tadi. Membuatkan dia penuh waspada.

Dipetik daripada novel *Pantai Kasih*,  
karya Azmah Nordin  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Apakah tekanan-tekanan yang dihadapi oleh Raiha?

Tugasan soalan ini meminta calon mengemukakan tiga jawapan berdasarkan petikan.

### Contoh jawapan calon prestasi tinggi

Soalan (8)
(T) Tekanan-tekana yang dihadapi oleh Raiha ialah perasaan takut dengan bayangan Doktor Sadiz yang membuat dirinya berasa sepi, terasing dan terkial.
<del>segala</del> Segala perasaan itu berpadu dengan perasaan yang menakutkan dan menyetsa dunia batinnya. Disebabkan itu, Raiha sukar merhatiin diri sewaktu perbahagian yang membuat dia penuh waspada.

Calon dapat mengemukakan tiga isi dengan tepat berdasarkan tugas menggunakan ayat yang gramatis.

### Contoh jawapan calon prestasi sederhana

8	Soalan 8
1)	Antara tekanan yang dihadapi oleh Raiha adalah kerana debaran yang ditasai apabila beliau merasakan <sup>dirinya</sup> <del>berot</del> diburu oleh bayangan Doktor Sadiz. Raiha juga terus-terusan dikejar perasaan takut oleh bayangan Doktor Sadiz itu. Perasaan sepi, terasing dan terkial serta perasaan takut itu & memberi tekanan kepada kehidupan beliau. Tambahan pula, keletihan yang mencengkam dirinya turut membuatkan dirinya penuh waspada.

Calon tidak dapat mengemukakan tiga isi mengikut tugas tetapi ayat masih gramatis.

### Soalan 8 (ii)

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Nor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan dua peristiwa yang mengembirakan.

Tugasan soalan ini meminta calon mengemukakan dua peristiwa yang mengembirakan dalam sebuah novel yang sama dengan tepat beserta alasan.

### Contoh jawapan calon prestasi tinggi

diri <del>di atas</del> akibat perasaan-perasaan tersebut.
ii) Berdasarkan sebuah novel yang saya pelajari iaitu Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib, dua peristiwa yang mengembirakan ialah peristiwa Leftenan Adnan dan pasukan Askar Melayu tidak mudah patah semangat melawan tentera Jepun. Contoh peristiwanya ialah Leftenan Adnan bersama-sama askar Melayu yang lain sanggup menghadapi nyawa mereka demi mempertahankan ibu di Bukit Melayu yang lain menerima serangan bertubi-tubi daripada askar Jepun di Bukit Candu. Peristiwa ini mengembirakan kerana semangat juang Leftenan Adnan perlu diterapkan kepada masyarakat untuk mewujudkan negara yang berdaulat. Peristiwa yang kedua ialah peristiwa Leftenan Adnan menjadi guru di sekolah. Contoh peristiwanya ialah Leftenan Adnan mematuhi kehendak ibunya walaupun cita-citanya <del>berubah</del> ingin menjadi seorang askar Melayu. Peristiwa ini mengembirakan kepada pembaca kerana Leftenan Adnan adalah seorang yang taat kepada ibu bapanya dan tidak melanggar nasihat yang diberikan.

Calon dapat memberikan dua peristiwa dan alasan yang jelas daripada sebuah novel menggunakan ayat gramatis.

### Contoh jawapan calon prestasi sederhana

ii) Berdasarkan sebuah novel yang saya pelajari iaitu novel Firani karya Beb Sabariah, dua peristiwa yang mengembirakan ialah waheeda gembira. Contohnya waheeda gembira kerana pembedahannya berjaya dilakukan. Seterusnya pertemuan waheeda dengan Bazilah. Contohnya Bazilah telah menyediakan tempat tinggal untuk waheeda sepanjang waheeda dalam rawatan hidungnya.

Calon dapat memberikan dua peristiwa tetapi alasan tidak diberikan atau kurang jelas daripada sebuah novel menggunakan ayat yang gramatis.

## **2.6 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN B**

### **2.6.1 Calon**

- a) Membuat latihan menjawab soalan Bahagian B mengikut format SPM.
- b) Menambah pengetahuan dengan membaca pelbagai jenis bahan.
- c) Membudayakan perbincangan dengan rakan-rakan tentang cara menyelesaikan sesuatu masalah dalam kehidupan.
- d) Membaca arahan soalan dan petikan dengan teliti supaya memahami kehendak soalan.

### **2.6.2 Guru**

- a) Menggunakan bahan bantu mengajar yang meluaskan pengetahuan murid.
- b) Memberi peluang kepada murid untuk memberikan pendapat atau idea.
- c) Mengadakan aktiviti berkumpulan yang boleh menjana minda murid.
- d) Melaksanakan PdP berteraskan PAK-21.
- e) Memastikan murid melaksanakan aktiviti NILAM.

## **2.7 PRESTASI CALON BAHAGIAN C**

### **2.7.1 Prestasi Keseluruhan**

Kualiti jawapan calon secara keseluruhannya pada tahap baik. Calon dapat memenuhi tugas soal. Calon juga menguasai kemahiran membaca, menganalisis bahan dan memindahkan maklumat daripada semua bahan. Sebahagian besar calon berjaya mengenal pasti dua fokus yang terdapat dalam semua bahan.

### **2.7.2 Prestasi Mengikut Kumpulan Calon**

#### **Kumpulan Prestasi Tinggi**

Calon dapat mengemukakan rumusan dengan tepat, iaitu pendahuluan, lapan isi daripada dua fokus dan kesimpulan yang menepati format soal. Calon menggunakan ayat yang gramatis dan hanya terdapat kesalahan bahasa minimum. Calon juga menguasai kemahiran membaca, menganalisis bahan dan memindahkan maklumat daripada semua bahan.

#### **Kumpulan Prestasi Sederhana**

Calon masih dapat mengemukakan rumusan dengan tepat dan menepati dua fokus daripada semua bahan. Isi rumusan kurang lengkap tetapi masih menepati format, gramatis dan hanya terdapat kesalahan bahasa minimum. Calon juga menguasai kemahiran membaca, menganalisis bahan dan memindahkan maklumat daripada bahan tetapi tidak mencukupi lapan isi.

## 2.8 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN C

### Soalan 9

#### BAHAGIAN C : RUMUSAN

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

##### Bahan 1

Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai bangsa dan bahasa yang sangat beragam berbanding dengan negara lain. Namun demikian, perlembagaan negara kita telah menggariskan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir rakyat Malaysia yang malu untuk bertutur dalam bahasa Melayu kerana mereka beranggapan bahawa penggunaan bahasa Melayu akan menjejaskan status sosial mereka.

Dalam usaha memartabatkan penggunaan bahasa kebangsaan ini, pelbagai pihak perlu mengadakan aktiviti bahasa Melayu yang menarik seperti pertandingan pementasan teater, mendeklamasikan sajak dan pertandingan nyanyian. Namun, masih terdapat ahli masyarakat yang tidak fasih bertutur dalam bahasa Melayu. Oleh sebab itu, bahasa rasmi negara kita dipandang sepi. Dalam hal ini, pihak kerajaan, khususnya Dewan Bahasa dan Pustaka telah menubuhkan Unit Khas Pelaksanaan Bahasa bagi memastikan penggunaan bahasa Melayu yang betul dan santun dalam kalangan masyarakat.

Lambakan penggunaan bahasa slanga dan bahasa yang tidak gramatis dalam laman media sosial turut menjadi cabaran untuk memartabatkan bahasa kebangsaan kita. Andai bukan kita sebagai rakyat Malaysia yang mahu memartabatkan bahasa kebangsaan, siapakah lagi yang akan berbuat demikian? Usaha memperkasakan bahasa kebangsaan tidak dapat dilaksanakan tanpa sokongan daripada semua pihak. Sehubungan dengan itu, kerajaan perlu melaksanakan pelbagai bentuk kempen kesedaran yang mengajak rakyat menggunakan bahasa Melayu dengan betul. Kempen ini mestilah melibatkan semua agensi kerajaan dan swasta. Selain kempen, penulisan bahan bacaan pilihan remaja seperti novel dan komik turut berkesan sebagai wahana yang ampuh dalam usaha mendaulatkan bahasa Melayu. Para penulis hendaklah menghasilkan karya yang menjurus ke arah penggunaan bahasa kebangsaan yang gramatis. Tuntasnya, penggembleran tenaga semua pihak penting untuk memastikan bahasa Melayu terus diperkasakan kerana bahasa jiwa bangsa.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Bahasa Dijulang, Bangsa Gemilang'  
oleh Raja Nur Amirah Tuan Ismail  
*Dewan Bahasa, Bil. 2/2018*



**Bahan 2**



**Bahan 3**

**MEKAR BAHASAKU**

Di hujung desa mengharum mawar,  
Buat hiasan di dalam dulang;  
Bulan Bahasa Kebangsaan dilancar,  
Moga kedaulatan tinggi dijulang.

Tumbuh bunga pohonnya segar,  
Penuh setaman di tanah Riau;  
Moga bahasa kembali mekar,  
Jadi sebutan segenap rantau.

Kembang melati indah setaman,  
Putih warnanya tambah berseri;  
Jasa bakti sepanjang zaman,  
Tokoh bahasa dikenang dihargai.

**ZAINAL MESRAN**  
Kota Kulai

Tugasan soalan ini menghendaki calon menulis sebuah rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan.



## Contoh jawapan calon prestasi tinggi

<p><u>Soalan 9</u></p>
<p>Rumusan membincangkan usaha memartabatkan bahasa Melayu dan cabaran memartabatkan bahasa Melayu.</p>
<p>Antara Usaha memartabatkan bahasa Melayu ialah pelbagai pihak perlu mengadakan aktiviti bahasa Melayu yang menarik. <del>Setelainya</del> <sup>seterunya</sup>, kerajaan <del>perlu</del> <sup>juga</sup> melancarkan pelbagai bentuk kempen kesedaran yang mengajak rakyat menggunakan bahasa Melayu dengan betul dan para penulis hendaklah menghasilkan karya yang menjurus ke arah penggunaan bahasa kebangsaan yang gramatis. <del>Usaha seterunya, ialah</del> <sup>Malah</sup> pihak-pihak berkuasa Tempatan hendaklah menguatkuasakan penggunaan bahasa Melayu yang betul pada papan iklan dan Bulan Bahasa kebangsaan haruslah dilancarkan.</p>
<p>Cabaran memartabatkan bahasa Melayu adalah masih terdapat ahli masyarakat yang tidak fasih bertutur dalam bahasa Melayu. <del>Setelainya</del> <sup>seterunya</sup>, lambakan penggunaan bahasa slanga dan bahasa yang tidak gramatis dalam laman media sosial <del>dan</del> <sup>serta</sup> terdapat banyak kesalahan bahasa pada papan iklan.</p>
<p>Kesimpulannya, setiap individu memainkan peranan dalam memartabatkan <del>bahasa</del> <sup>bahasa</sup> Melayu <del>terasa</del> agar identiti bangsa <del>tidak terhapus</del>. dapat <b>dikekalkan</b>.</p>
<p>(121 patah perkataan)</p>

Calon dapat menulis rumusan dengan pendahuluan yang betul dan lapan isi cukup yang menyentuh semua fokus daripada semua bahan. Kesimpulan yang dikemukakan adalah tepat, menepati tema, cadangan dan implikasi cadangan. Bahasa yang digunakan gramatis dan dalam lingkungan 120 patah perkataan.

## Contoh jawapan calon prestasi sederhana

9. Petikan di atas menunjukkan usaha dan ~~kesan~~<sup>punca</sup> memartabatkan penggunaan bahasa kebangsaan.

Usaha yang pertama ialah pelbagai pihak perlu mengadakan aktiviti bahasa Melayu yang menarik. Kedua, kerajaan perlu melaksanakan pelbagai bentuk kempen kesedaran yang mengajak rakyat menggunakan bahasa Melayu dengan betul. Selain itu, usaha yang ketiga ialah para penulis hendaklah menghasilkan karya yang menjurus ke arah penggunaan bahasa kebangsaan yang gramatis. Seterusnya, usaha yang keempat ialah menguatkuasakan penggunaan bahasa Melayu yang betul pada papan iklan.

Punca ~~kesan~~ yang pertama ialah penggunaan bahasa Melayu akan menjejaskan status sosial rakyat Malaysia. Selain itu, ~~kesan~~<sup>punca</sup> yang kedua ialah kedaulatan tinggi akan dijulungkan.

Kesimpulannya, penggunaan bahasa kebangsaan penting kerana bahasa jiwa bangsa.

107 perkataan

Calon tidak dapat menulis pendahuluan rumusan dengan lengkap. Bilangan isi tidak mencukupi dan tidak menepati semua fokus daripada semua bahan. Kesimpulan yang dikemukakan hanya berbentuk pernyataan. Bahasa yang digunakan juga kurang gramatis. Jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan.

## **2.9 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN C**

### **2.9.1 Calon**

- a) Membuat latihan menjawab soalan Bahagian C mengikut format SPM.
- b) Menguasai kemahiran menganalisis pelbagai bahan dan grafik.
- c) Membudayakan perbincangan dengan rakan-rakan tentang pelbagai isu semasa.
- d) Membaca dan meneliti bahan supaya dapat mengenal pasti fokus dan isi dengan betul.

### **2.9.2 Guru**

- a) Menggunakan bahan bantu mengajar yang berbentuk grafik, carta, ilustrasi dan sebagainya bagi meluaskan pengetahuan murid.
- b) Meningkatkan kemahiran membina item yang standard mengikut format SPM.
- c) Menguasai kemahiran memeriksa jawapan rumusan dengan betul.
- d) Mengadakan aktiviti berkumpulan yang boleh menjana minda murid.
- e) Melaksanakan PdP berteraskan PAK-21.
- f) Memastikan murid melaksanakan aktiviti NILAM.
- g) Menyediakan latihan atau modul yang menepati format SPM.



# *Penghargaan*

## **PENASIHAT:**

DATO' HJ. PKHARUDDIN BIN HJ. GHAZALI

## **PENGERUSI:**

DR. MOHD AZAM BIN AHMAD

## **URUS SETIA:**

PUAN HJH. JURAIIDA BINTI UMAT

DR. HABIBAH BINTI MAT REJAB

DR JAIN BIN CHEE

PUAN SITI ASMAH BINTI MD YUSOF

PUAN NOR ZULAIKHA BIN CHE MAT

ENCIK HAPIZI BIN MISKAM

PUAN LAILY FAZLIN BINTI DATO SRI KHAIRIL

## **EDITOR:**

ENCIK MOHD FATHI BIN ADNAN (KETUA EDITOR)

PUAN NORAZAH BINTI BIDI (PEN. KETUA EDITOR)

PUAN FAIZAH BINTI SAMAD

ENCIK IZZAT ISMAIL BIN IDRIS

CIK NORHAYATI BINTI YAHAYA

PUAN SUZARINA BINTI SUHOD

## **PANEL PENULIS:**

KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 1

KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 2

KP & KPB BAHASA INGGERIS SPM KERTAS 2

KP & KPB SAINS SPM KERTAS 2

KP & KPB SEJARAH SPM KERTAS 2

KP & KPB MATEMATIK SPM KERTAS 2

KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 1

KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 2